

25/02/2003

Perjuangan utama NAM bendung hegemoni kuasa besar

PROSES penyuburan semula Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) bermula sudah.

Daripada asalnya sebuah pertubuhan mengandungi majoriti negara membangun yang dilihat sebagai alternatif kepada Blok Barat dan Timur ketika era Perang Dingin, sidang ke-13 di Kuala Lumpur bermula semalam menjadi titik-

tolak kepada kebangkitannya untuk memainkan peranan lebih besar serta relevan dengan gelora dunia hari ini. Mengambil alih daripada Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki, selaku pengerusi, Perdana Menteri, Datuk Seri

Dr Mahathir Mohamad, sudah pun meletakkan asas yang kukuh terhadap bagaimana NAM perlu terus melangkah ke hadapan dalam membawa keamanan dan

pembangunan untuk kebaikan seluruh masyarakat dunia.

Dengan keanggotaan 116 negara, NAM mempunyai pilihan sama ada untuk menjadi satu `kuasa' disegani dan dihormati dalam mendepani hegemoni satu-

satunya kuasa besar yang tujuannya hanyalah untuk menguasai dunia dengan berselindung di sebalik memerangi keganasan. Atau NAM sebagaimana sebelumnya akan kekal sebagai pertubuhan yang hanya besar pada bilangan tetapi sebenarnya berpecah-belah disebabkan masalah dalaman negara anggota, kepentingan strategik yang berbeza-beza serta tahap kebergantungan kepada Amerika Syarikat yang tidak memungkinkan sesetengah

pemimpinnya mengangkat muka atau bersuara.

Namun, sebagaimana dihuraikan Dr Mahathir dalam ucapan kira-kira sejamnya semalam, NAM yang sudah berusia 47 tahun boleh disuburkan semula

dengan anggotanya merapatkan barisan dan melakukan tindakan bersama. Daripada gagasan untuk mengharamkan peperangan, membebaskan diri daripada

penindasan dan kekuasaan ekonomi, mengharamkan senjata nuklear hinggalah kepada menghentikan penyelidikan dan pembangunan lebih banyak kononnya senjata konvensional yang membawa maut dan perdagangan senjata, ia memerlukan lebih daripada sekadar beretorik. Dalam mewujudkan tata urus baru dunia yang lebih adil dan saksama baik dari segi politik mahupun ekonomi pula, ia menuntut lebih iltizam daripada semua negara anggota untuk menyokong dan melaksanakannya dan bukan hanya berselindung di sebalik kepura-puraan.

Pengharaman perang seperti dimaksudkan oleh Perdana Menteri bermakna lebih banyak biaya dapat dimanfaatkan untuk pelbagai perkara yang lebih berfaedah - dengan tumpuan untuk membina daripada menyebabkan kemusnahan serta untuk tujuan kebaikan dan bukan kejahatan. Pada ketika ancaman peranglah yang menyebabkan masyarakat dunia kini hidup dalam ketakutan, maka adalah amat bertepatan untuk pengharamannya mengatasi segala keutamaan sedangkan perang jauh daripada dapat dijadikan penyelesaian mutlak melainkan turut menyebabkan kehilangan nyawa jutaan kanak-kanak, wanita dan orang tua.

Hari ini juga, dunia menjadi saksi kepada hegemoni kuasa besar tunggal yang bukan saja 'menakluki' dalam semua bidang, malah menerobos ke setiap bilik tidur dan rumah kediaman menerusi siaran televisyen dan filem cereka. Tidak hanya dengan memperalatkan pelbagai pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) hinggalah kepada rangkaian media yang dikuasainya, dominasinya amat menyeluruh bukan saja dari segi ketenteraan, ekonomi dan perdagangan, malah melangkaui batas sosial dan budaya.

Dalam mendepani ancaman dan keadaan inilah, NAM boleh berperanan di sebalik wujudnya pandangan sinis terhadap gagasan dan pelan pelaksanaannya diumpamakan sebagai bersifat utopia. Sambil diakui tanggungjawab berat yang kini digalas Malaysia untuk melonjakkan NAM sebagai pertubuhan yang benar-benar relevan dan berkesan bagi mewakili separuh daripada masyarakat dunia - kedua terbesar hanya selepas PBB - ia juga bukanlah sesuatu yang hampir mustahil. Ketika Malaysia sudah pun menunjukkan jalan, kesudahannya kesungguhan dan kesepakatan anggota NAM yang akan menjadi kayu pengukur sama ada pertubuhan ini benar-benar memiliki kewibawaan atau sebaliknya. Atau tindakan kuasa besar merumus pelbagai dasar luar secara unilateral hingga menimbulkan kebimbangan terhadap keamanan serta keselamatan sejagat akan berterusan tanpa banyak rintangan.